

Tarikh dibaca: 10 Zulhijah 1439H

KHUTBAH EIDUL ADHA

Tajuk:

***“INILAH KORBANKU, TERIMALAH YA
ALLAH”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“INILAH KORBANKU, TERIMALAH YA ALLAH”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَكْرَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِسْلَامِ، وَفَضَّلَنَا
عَلَى كَثِيرٍ مِنَ الْأُمَمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا
وَقُدُّوتِنَا وَإِمَامِنَا مُحَمَّدٍ، نَبِيِّ الرَّحْمَةِ وَشَفِيعِ الْأُمَّةِ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَنَصَرَهُ وَوَالَاهُ.



فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan muslimin dan muslimat yang hadir di pagi Eidul Adha yang mulia ini, marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua digolongkan dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bertaqwa dan diredhai-Nya di dunia hinggalah ke hari akhirat.

Di pagi Eidul Adha ini, khatib mengajak muslimin dan muslimat sekalian untuk menghayati khutbah Eidul Adha yang bertajuk **"INILAH KORBANKU, TERIMALAH YA ALLAH."**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia,

Hari ini hari ke sepuluh Zulhijjah, umat Islam yang sedang menunaikan haji di Mekah sedang menyempurnakan manasik haji sebagai rukun Islam yang kelima.



Umat Islam yang berada di tanah air Malaysia pula, selepas menunaikan solat Eidul Adha dan ingin menunaikan ibadah korban, maka sebentar lagi sama-sama akan menyembelih binatang-binatang korban. Ibadah ini dilakukan semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah dan ganjaran pahala yang besar. Dari Zaid bin Arqam bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ
مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا
وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ
قَبْلَ أَنْ يَقَعَ إِلَى الْأَرْضِ فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا.

"Tiada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada hari raya korban yang lebih disukai oleh Allah daripada menumpahkan darah korban. Bahawasanya ia (binatang yang dikorbankan itu) datang pada hari qiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya dan bahawasanya darah korban itu mendapat tempat yang mulia di sisi Allah sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang ikhlas."

(Riwayat al-Tarmizi).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia,

Menyembelih binatang korban adalah merupakan ibadah yang sangat besar ganjaran pahalanya. Ibadah korban merupakan syiar Islam dan lambang pengurbanan besar Nabi Ibrahim AS dalam menyatakan kepatuhan kepada



Allah SWT yang tidak berbelah bagi dan ketaatan yang tiada bandingannya. Nabi Ibrahim AS dengan kerelaan sepenuh hatinya sanggup menerima perintah menyembelih anaknya Nabi Ismail AS demi menjunjung dan mematuhi perintah Allah SWT. Bahkan anaknya nabi Ismail juga dengan penuh rela hati tanpa membantah sedikitpun permintaan bapanya yang merupakan perintah Allah. Kerelaan kedua-dua anak beranak itu jelas dirakam oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam surah al-Soffat ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَىٰٓ اِنِّىٓ اَرَىٰٓ فِى الْمَنَامِ اَنِىٓۤ اَذْنَحُكَ
فَاَنْظُرْ مَاذَا تَرَىٰٓ قَالَ يَآٓبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِىٓ اِنْ شَاءَ اللّٰهُ
مِنَ الصّٰبِرِيْنَ ﴿١٠٢﴾

“Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah!, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia,

Allah SWT telah memerintahkan hamba-Nya supaya melaksanakan ibadah korban pada setiap tahun. Allah telah mensyariatkan ibadah korban sebagai suatu amalan sunat yang sangat dituntut untuk mencapai ketaqwaan dan keikhlasan di sisi Allah SWT sama seperti yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail Alaiهما al-Salam sebagai bukti kecintaan



kepada Allah SWT melebihi cinta dunia, harta, anak dan kepentingan diri sendiri. Firman Allah SWT dalam surah al-Haj, ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ
كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَبَشِّرِ
الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾

“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.”

Sesungguhnya, seluruh kehidupan memerlukan pengorbanan, seorang bapa wajib berkorban tenaga, masa dan wang ringgit untuk membesarkan anak-anak, menyediakan makan dan minum mereka, memberikan pakaian, menjaga kesihatan dan keselamatan mereka, mendidik dan membimbing mereka untuk menjadi manusia supaya baik di dunia dan cemerlang di akhirat.

Seorang pemimpin samada dalam keluarga, masyarakat, di peringkat negeri mahupun negara, wajib mengorbankan fikiran, tenaga dan masa bahkan wang ringgit untuk mengurus, mentadbir dan mengatur segala bentuk tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia,



Pengorbanan merupakan tuntutan dalam kehidupan, tanpa pengorbanan maka kelangsungan hidup tidak akan dapat dinikmati dengan sempurna. Sedangkan nikmat itu adalah kurnia pemberian Allah kepada hamba-Nya yang sanggup berusaha dengan gigih dan sanggup berkorban dengan ikhlas kerana Allah SWT. Demikian itu adalah pengajaran dan ibrah yang dapat dihayati melalui ibadah korban yang dilakukan oleh umat Islam, khususnya pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail Alaihimma al-Salam.

Sesungguhnya ibadah korban itu bukan hanya sekadar menikmati daging-daging korban yang diagih-agihkan sahaja. Pengagihan daging itu diharap dapat menyuburkan lagi tali persaudaraan sesama umat Islam. Nilai korban itu terletak pada pengorbanan suci, lambang ibadah yang tinggi dan ketundukan sepenuh-penuh hati kepada Allah SWT. Bahawa inilah korbanku, inilah kesucian ibadahku, inilah kebersihan dan ketulusan hatiku yang ku serahkan untuk-Mu ya Allah! Maka terimalah ya Allah!:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ فَتَقَبَّلْ مِنِّي

Ya Allah!, sesungguhnya inilah ibadah korbanku dari nikmat kurniaan-Mu, kepada-Mu sahajalah ku serahkan, maka terimalah ibadahku ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang berbahagia,

Mengakhiri khutbah Eidul Adha di pagi yang mulia ini, ambillah beberapa pengajaran dan panduan berikut:

1. Umat Islam wajib mempercayai dan meyakini bahawa melaksanakan perintah Allah SWT adalah bukti keimanan.



2. Umat Islam mestilah ikhlas dalam melakukan semua ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT.

3. Umat Islam hendaklah menjaga dan merapatkan hubungan persaudaraan sesama umat Islam disamping bekerjasama, tolong menolong, redha meredhai dan mengutamakan kepentingan orang lain berbanding dirinya sendiri.

4. Umat Islam hendaklah sentiasa berkorban untuk mendapat kemenangan serta kejayaan di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ
بَهِيمَةٍ الْأَنْعَامِ ۗ فَالِهَهُمْ إِلَهُ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا ۗ وَبَشِّرِ
الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan Ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadanya; dan sampaikanlah berita gembira (Wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat."

(al-Hajj : 34).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ
وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَكْرَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِسْلَامِ، وَفَضَّلَنَا
عَلَى كَثِيرٍ مِّنَ الْأُمَمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ



أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin dan muslimat yang dimuliakan Allah,

Mulai subuh 9 Zulhijjah pada hari semalam umat Islam disunatkan memperbanyakkan takbir mengagungkan Allah SWT, terutama pada setiap kali selepas solat fadhu atau sunat di sepanjang hari-hari tasyriq yang berakhir selepas solat fardhu Asar hari ke 13 Zulhijjah. Di samping itu kita hendaklah memperbanyakkan selawat ke atas Nabi SAW kita sebagai tanda kasih sayang kita kepada baginda yang berjasa besar menyampaikan risalah Islam dengan pelbagai pengorbanan dan jihad.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ
الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ



وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ
وَدَمَّرَ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ
الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ،
سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ إِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ
الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ إِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ
